

Utamakan Keselamatan Semasa Banjir

Sentiasa berwaspada pada musim banjir dengan mengamalkan langkah keselamatan elektrik demi kesejahteraan diri dan orang tersayang.



SEMASA BANJIR



Elak penggunaan alat elektrik dan pastikan suis utama ditutup bagi mengelakkan renjatan.



Jika paras air meningkat, hubungi 15454 atau Facebook TNB CareLine bagi memutuskan bekalan elektrik.



Jauhi peralatan atau kabel elektrik yang terendam walaupun bersalut penebat.



Hindari tiang besi atau mana-mana pemasangan TNB yang tenggelam bagi mengelak risiko renjatan.



Tutup semua suis di soket alir keluar dan tanggalkan palam kuasa peralatan elektrik.



Matikan sistem solar PV bagi mengelak bekalan suap balik ke sistem pendawaian premis.



Tutup suis utama sebelum berpindah.

SELEPAS BANJIR



Matikan suis utama sebelum membersihkan alat elektrik atau pendawaian.



Suis dan perkakas elektrik yang terendam perlu diperiksa dahulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.



Jauhi dahan pokok di talian elektrik. Bekalan elektrik mungkin masih disalurkan. Hubungi TNB untuk tindakan segera.



Jangan guna galah atau tangga diperbuat daripada besi/aluminium berhampiran talian elektrik.



Awasi anak-anak supaya tidak menghampiri tiang dan kabel elektrik yang rosak.

Hubungi kami sekiranya terdapat sebarang kebimbangan atau masalah berkaitan pemasangan elektrik yang terjejas



TNB Careline: 15454



TNB CareLine



Imbas kod QR untuk muat turun panduan keselamatan banjir.

